

BAB 5

PENSEJARAHAN DALAM ANTOLOGI *INGIN JADI PUJANGGA*

5.0 Pengenalan

Bab ini mengemukakan satu lagi prinsip yang terdapat dalam teori dialogisme iaitu dari aspek sejarah dan pensejarahan. Berdasarkan teori dialogisme, analisis dilakukan bagi mengkaji penggunaan dan penerapan unsur sejarah dan pensejarahan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen-cerpen yang terdapat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* berdasarkan fakta sejarah yang sebenar. Analisis ini dilakukan berdasarkan kepada tiga zaman yang berbeza iaitu zaman penjajahan Inggeris, zaman pendudukan Jepun dan zaman selepas pendudukan Jepun.

5.1 Pengertian Sejarah

Perkataan sejarah sebenarnya mencakupi bidang yang amat luas dan membawa pengertian yang amat mendalam. Secara mudahnya, sejarah membawa pengertian sebagai peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau atau kajian dan pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang telah lalu tentang seluruh dunia. Sementara pensejarahan pula, membawa pengertian sebagai semua perkara atau hal-hal yang berkaitan dengan sejarah itu sendiri (Teuku Iskandar, 1996 : 1208-1209). *Ensiklopedia Brittanica* (1970 : Vol. 11) pula telah memberikan sejarah sebagai bermaksud “the record of events or the events themselves” iaitu catatan peristiwa-peristiwa atau peristiwa-peristiwa itu sendiri. Catatan peristiwa dan peristiwa-peristiwa itu pula mempunyai hubungan atau pertalian yang relatif dan saling lengkap-melengkapi iaitu sesuatu peristiwa yang terjadi itu perlu dicatatkan

dan apabila ada catatan tentang peristiwa tersebut maka jadilah peristiwa tersebut sebagai apa yang dipanggil sebagai sejarah.

Pengertian tentang sejarah yang telah diberikan oleh Muhammad Yusoff Hashim dalam bukunya yang bertajuk *Pensejarahan Melayu : Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara* (!992 : 62) pula telah memberikan takrif sejarah sebagai catatan peristiwa yang memerlukan dan merangkumi beberapa perkara iaitu, pertama, melihat kebenaran atau kesahihan sesuatu peristiwa itu; kedua, bagaimana sebab-musabab, perkembangan dan kesan daripada peristiwa berkenaan; ketiga, tokoh atau watak yang menjadi pelaku dalam sesuatu peristiwa; dan keempat, bila peristiwa tersebut terjadi. Secara ringkasnya, Muhammad Yusoff Hashim menekankan bahawa sesuatu peristiwa itu boleh dianggap sejarah sekiranya memenuhi empat kriteria tersebut iaitu kesahihan peristiwa, sebab dan akibat peristiwa, tokoh dalam peristiwa dan tarikh peristiwa tersebut berlaku. Keempat-empat perkara seperti yang telah digariskan oleh Muhammad Yusoff Hashim itu sebenarnya adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh pengkaji-pengkaji sejarah ketika menjalankan penyelidikan tentang sejarah.

Satu lagi pengertian tentang sejarah telah diberikan oleh Malek Bennabi (1991 : 49) dalam bukunya *Islam Dalam Sejarah Dan Masyarakat* yang mengatakan bahawa sejarah itu sendiri perlu dipertimbangkan oleh seseorang berdasarkan kepada berbagai-bagi sudut pandangan. Jika dilihat dari sudut pandangan individu, sejarah adalah satu kajian tentang psikologi manusia yang dianggap sebagai faktor temporal-psiko (kesan psikologi sementara) terhadap sesuatu peradaban. Malek Bennabi turut menekankan bahawa peradaban itu pula adalah suatu manifestasi suatu kehidupan dalam satu pemikiran yang kolektif. Sejarah juga bagi Malek Bennabi adalah suatu

kajian sosiologi iaitu kajian tentang keadaan perkembangan sesuatu kumpulan sosial yang tidak terasing dan evolusinya ditentukan oleh sesuatu hubungan dengan ikatan kemanusiaan dan menjangkau di luar perspektif sejarah itu sendiri.

Shaharudin Maarof (1989 : 118) dalam artikelnya yang bertajuk “Renungan Ke Atas Sejarah Massa Melayu” yang telah dipetik dari *Di Sebalik Jendela Utusan : Suara Keramat* iaitu majalah yang telah diterbitkan sempena menyambut 50 tahun penubuhan *Utusan Melayu* telah memberikan pengertiannya tentang sejarah. Menurut Shaharudin Maarof, sejarah bukanlah cuma sebagai dataran tarikh dan riwayat urusan peribadi tokoh-tokoh tertentu sahaja kerana perkara-perkara tersebut hanya boleh dianggap sebagai hikayat semata-mata. Sedangkan perjuangan, pergelutan, naik jatuh, kejayaan, kehampaan dan harapan sesuatu bangsa, pengalaman, perasaan, pergolakan dan kesedaran sesuatu bangsa adalah pengertian mutlak yang boleh diberikan terhadap sejarah.

Antara pengertian sejarah yang lain adalah seperti yang telah dikemukakan oleh Hashim Awang seperti yang telah dipetik dari artikelnya yang bertajuk “Sastera Dan Sejarah : Menilai Asas Hubungan Antara Dua Disiplin” seperti yang telah dipetik dari buku yang bertajuk *Kesusasteraan Bandingan : Sebagai Satu Disiplin* (1994 : 84) yang telah diselenggarakan oleh Abdul Ahmad, telah menjelaskan bahawa dari aspek penulisan, sesuatu perkara itu boleh dianggap sebagai sejarah apabila didasarkan kepada fakta dan realiti yang dengan sendirinya menjelaskan yang hasil penulisannya kelak akan memiliki nilai keilmiahinan.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1994 : 87) juga turut memberikan pengertiannya tentang sejarah dalam bukunya yang bertajuk *Pengantar Ilmu Sejarah*

dengan menjelaskan bahawa secara objektifnya sejarah adalah kisah-kisah yang berlaku pada masa lampau (events that happened or occurred in the past). Kewujudan sejarah itu pula tidak bergantung kepada manusia tetapi bergantung kepada keadaan dan sifatnya sendiri.

Bagi Mikhail Bakhtin sendiri pula dalam bukunya yang bertajuk *Prinsip Dialogikal Mikhail Bakhtin* seperti yang telah ditulis oleh Tzvetan Todorov (1994 : 97–98) telah memberikan pengertian sejarah sebagai satu elemen yang penting dalam satu-satu teks kerana di dalamnya terkandung semua makna iaitu alasan-alasan mengapa sesuatu itu dicipta. Menurut Mikhail Bakhtin lagi, sesuatu genre itu mempunyai dimensi sejarahnya sendiri kerana bukan sahaja sejarah itu sebagai satu penyilangan sosial tetapi juga adalah cebisan memori yang kolektif sifatnya. Oleh yang demikian, sesuatu genre itu perlulah diselaraskan dengan sejarah sebaik-baiknya agar sesuatu peristiwa itu dapat disesuaikan dengan sebarang jangka masa.

Berdasarkan kepada pengertian-pengertian dan maksud-maksud yang telah diberikan oleh setiap tokoh tersebut yang merangkumi bidang-bidang seperti bahasa, sejarah, falsafah dan kemasyarakatan, maka sejarah itu bolehlah dilihat sebagai catatan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku berdasarkan fakta dan mempunyai kesahihannya. Dalam konteks penulisan sastera yang mempunyai unsur-unsur sejarah pula, karya-karya kesusasteraan yang dihasilkan tanpa mengira apa pun genrenya mestilah mempunyai fakta sejarahnya walaupun tidak keseluruhan fakta sejarah itu digunakan. Hal ini bukan sahaja bertujuan untuk menguat dan mengukuhkan kepercayaan pembaca terhadap karya tersebut, malah keadaan ini juga akan menjadikan karya itu lebih baik dan menarik untuk dibaca.

5.2 Pensejarahan Dalam Zaman Penjajahan Inggeris

Penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu dan Singapura membawa kesan yang sangat besar dalam kehidupan tradisional orang-orang Melayu. Penjajahan Inggeris bukan sahaja menandakan berakhirnya zaman kegemilangan pemerintahan Raja-raja Melayu, malahan telah turut memberikan perubahan yang amat besar dari aspek politik, ekonomi dan sosial (Abdul Latiff Abu Bakar, 1988 : 1).

Pihak Inggeris buat pertama kalinya telah mula campur tangan di Perak apabila berlaku pergolakan politik dalam perebutan jawatan sultan antara Raja Abdullah dan Raja Ismail. Selepas Perak, berlaku pula pergolakan politik di negeri-negeri Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan yang mendorong Inggeris untuk turut campur tangan. Selepas berjaya menguasai seluruh Tanah Melayu, Inggeris juga akhirnya berjaya mengukuhkan kuasanya di Singapura yang kemudiannya telah dimasukkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat bersama-sama Melaka dan Pulau Pinang (Abdul Latiff Abu Bakar, 1988 : 1-2).

Penjajahan Inggeris itu telah banyak mengubah keadaan politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu dan Singapura. Beberapa perubahan yang telah diperkenalkan adalah dengan tujuan untuk memudahkan pihak British atau Inggeris mentadbir dan seterusnya mengukuhkan kuasa imperialism mereka di kawasan kepulauan Melayu, selain bertujuan untuk memonopolikekayaan dari aspek ekonomi yang terdapat di rantau ini.

Penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu dan Singapura ini adalah merupakan satu fakta yang sememangnya tercatat dalam sejarah tanah air. A. Samad Ismail sendiri sebagai seorang tokoh dan individu yang pernah mengalami kehidupan

semasa negara berada di bawah penjajahan Inggeris telah menggunakan dan menerapkan beberapa peristiwa sejarah sepanjang tempoh penjajahan Inggeris tersebut dalam karya-karyanya seperti yang terdapat dalam cerpen-cerpen yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga*.

A. Samad Ismail dalam beberapa buah cerpennya secara tidak langsung telah menyatakan tentang corak pentadbiran yang wujud semasa zaman penjajahan Inggeris itu. Misalnya, semasa zaman pemerintahan Inggeris itu, Singapura dan Tanah Melayu masih lagi belum terpisah dan masih lagi diletakkan di bawah satu sistem pentadbiran, cuma, dalam hal ini, Singapura diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat. Oleh yang demikian, penduduk Tanah Melayu dengan secara bebasnya boleh memasuki Singapura tanpa ada kekangan dan begitu jugalah bagi penduduk Singapura yang ingin masuk ke Tanah Melayu. Tambahan pula, pada masa itu, Singapura adalah sebuah negeri yang paling maju dan dianggap sebagai sebuah kota besar jika dibandingkan dengan negeri-negeri Tanah Melayu yang lain dan oleh yang demikian Singapura menjadi tumpuan untuk tujuan pendidikan, mencari pekerjaan dan sebagainya.

Kemajuan dan juga kemakmuran kota Singapura ini juga telah digambarkan oleh A. Samad Ismail sendiri seperti yang dapat diperhatikan dalam petikan berikut:

Singapura merupakan kota kosmopolitan, pelabuhan antarabangsa dan paling penting ia adalah jajahan takluk British, diperintah dan dikuasai secara langsung oleh penjajah.

(A. Samad Ismail, 1993 : 211)

Dalam cerpen “Pertentangan” misalnya, Adnan sebagai watak utamanya telah melarikan diri dari keluarganya selepas beliau dipaksa berkahwin dengan

seorang gadis yang bukan pilihan hatinya dalam usia muda iaitu selepas beliau menamatkan pendidikan Senior Cambridgenya. Adnan, kemudiannya telah pergi ke Singapura untuk berdikari dan memulakan hidup baru di kota tersebut. Hal ini dapat dilihat berdasarkan surat yang telah dikirimkan oleh abang Adnan kepadanya melalui teman-temannya.

Tidak berapa lama lagi dua orang sahabatku akan turun ke Singapura. Mereka bercuti panjang dan aku memesan pada mereka supaya mencari kau.

(“Pertentangan”, 1995 : 63)

Dalam cerpen ini juga, A. Samad Ismail telah menggambarkan secara tidak langsung tentang kemajuan dan kebesaran kota Singapura pada masa itu dengan menekankan bahawa disebabkan kemajuannya dan menjadi tumpuan pelbagai orang, maka, seseorang itu perlu berhati-hati ketika berada di kota tersebut agar tidak mudah ditipu dan diperbodohkan oleh orang lain.

Kemudian dia kahwin di Singapura, dengan isterinya sekarang ini seorang janda dari Johor ... Mereka menyangka dia telah terkena ubat guna-guna. Terperangkap di Singapura. Mereka kira dia yang muda mentah itu tidak akan pandai membawa diri di kota besar ini – akan mudah “dijual” orang.

(“Pertentangan”, 1995 : 65–66)

Pihak Inggeris telah memajukan Singapura kerana kedudukannya yang strategik dan pelabuhannya yang secara semula jadinya terlindung daripada angin monsun. Kemajuan Singapura telah menjadikan kota ini sebagai tumpuan kepada bukan sahaja oleh penduduk pulau itu sendiri malahan juga penduduk dari Tanah Melayu yang datang dengan pelbagai tujuan terutamanya untuk mencari pekerjaan dan pendidikan. Kemajuan kota Singapura telah mewujudkan pelbagai peluang

pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti pelabuhan, perbandaran, perniagaan serta perdagangan dan sebagainya.

Kedudukan dan kemajuan Singapura yang menjadi tumpuan kerana dianggap sebagai kota yang dapat menawarkan peluang pekerjaan yang banyak ini sekali lagi telah dinyatakan oleh A. Samad Ismail dalam cerpennya yang bertajuk “Bung Leman”. Dalam cerpen “Bung Leman”, Idris sebagai watak utamanya telah menggambarkan bagaimana kota Singapura menjadi tumpuan kepada penduduk Tanah Melayu untuk mencari pekerjaan dan seterusnya berharap akan dapat mengubah kehidupan mereka.

Di Singapura saya mengganggu sebentar,... Di kota besar itu juga, saya dapati beberapa orang kawan pun senasib dengan saya.

(“Bung Leman”, 1995 : 103)

Saya beruntung dapat “lubang” bekerja di Harbour Board. Mula-mula sekali sebagai kuli tapi kemudian dapat menjawat pekerjaan kerani menghitung barang-barang keluar masuk stor.

(“Bung Leman”, 1995 : 104)

Dalam cerpen ini juga, watak Idris turut menyatakan bahawa disebabkan oleh peluang pekerjaan yang sememangnya banyak terdapat di Singapura, maka bukan sahaja beliau yang telah datang ke Singapura, malahan ramai kawan sekampungnya yang turut datang ke Singapura bertujuan untuk mencari pekerjaan seperti dalam contoh petikan berikut:

Pada hari-hari yang lain itu masing-masing hanya membawa hal diri sendiri dipaksa oleh kehidupan hidup. Ada tidak ada kalau terserempak di Kampung Jawa atau di Jalan Sultan atau di Jalan Besar Stadium, barulah dapat berbual-bual agak

puas sedikit. Itu pun buat saya biasanya pada hari gaji-gajian, dan apabila berjumpa itu, yang seorang akan bertanyakan hal yang lain terutamanya bertanya kalau-kalau ada khabar dari kampung.

(“Bung Leman”, 1995 : 105)

Banyak teman sekampung saya jumpa di Singapura. Sekali setahun kami berkumpul berjamu-jamu di rumah seorang teman yang lebih bertuah nasibnya daripada kebanyakan kami sekalian.

(“Bung Leman”, 1995 : 104)

Mengikut fakta sejarah juga, semasa penjajahan Inggeris, Singapura bukan sahaja menjadi tumpuan penduduk dari Tanah Melayu malahan juga menjadi tumpuan penduduk yang berasal dari tanah Jawa dan Sumatera yang pada masa itu telah berada di bawah kekuasaan penjajahan Belanda. Kebanyakan penduduk yang datang dari Pulau Jawa dan Sumatera telah meninggalkan kampung halaman mereka untuk merantau ke Singapura bukan sahaja bertujuan untuk melaikan diri daripada penindasan pihak Belanda malahan bertujuan untuk mencari penghidupan yang lebih baik terutamanya dari aspek ekonomi.

Kedatangan dan penghijrahan secara besar-besaran penduduk yang berasal dari Indonesia ini telah turut disentuh oleh A. Samad Ismail dalam bukunya *Memoir A. Samad Ismail Di Singapura* seperti yang tergambar dalam petikan berikut:

Singapura memang sejak sebelum perang lagi merupakan masyarakat kosmopolitan, pusat dagangan dan multi-racial coraknya. Di pesisir pantai Singapura antara Beach Road dan Rochore Road itu, terdapat masyarakat keturunan Jawa dan keturunan suku-suku kaum dari seluruh Indonesia sebagai pedagang.

(A. Samad Ismail, 1993 : 205)

Penghijrahan secara besar-besaran penduduk Tanah Jawa dan Sumatera ini turut dinyatakan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen-cerpennya yang bertajuk “Belum Baik-baik Lagi”, “Pak Cik Badong” dan “Penulis Tua”.

Dalam cerpen “Penulis Tua” misalnya, watak Haji Reza dipandang mulia oleh suku kaumnya yang berasal dari Pulau Jawa dan beliau juga dianggap sebagai ketua bagi suku kaumnya itu. Dalam cerpen “Pak Cik Badong”, watak ‘saya’ mempunyai ibu yang keluarganya berasal dari Riau, sementara keluarga ayah ‘saya’ pula berasal dari Jawa. Dalam cerpen “Belum Baik-baik Lagi” pula, salah satu daripada wataknya iaitu Man Juki juga dikatakan berasal dari Tanah Jawa sebelum merantau untuk mencari pekerjaan di Singapura.

Ketika datang dari Jawa, umur Man Juki kira-kira 15 tahun. Yayi mencarikan dia pekerjaan mula-mula di Pasir Panjang dan kemudian di Pulau Bukom... Dan kerana cermat dan jimat dengan wangnya, Man Juki mempunyai kebun di Kuala Selangor, sebuah rumah sendiri di Geylang Serai dan tiap tahun pulang ke Jawa untuk menemui kaum keluarga di sana.

(“Belum Baik-baik Lagi”, 1995 : 154–155)

Cerita-ceritanya tentang keluarganya di Riau biasanya berkisar pada kenangannya semasa dia bersama datuknya serta kakak-kakaknya mengunjungi kampung halaman datuk di pulau itu pada zaman Belanda... Memang ayah keturunan Jawa, datuk ayah berasal dari Porbolinggo....

(“Pak Cik Badong”, 1995 : 800–801)

Watak suku-sakatnya masih tebal dengan kepercayaan-kepercayaan kuno. Ikatan mereka antara satu sama lain kuat dan utuh. Di Singapura, mereka masih menganggap diri mereka sebagai orang asing, memumpang hidup, mencari rezeki di sebuah kota besar yang jauh berbeza daripada kampung halaman datuk nenek

mereka di Jawa. Mereka mentaatinya, kerana menganggapnya sebagai ketua mereka, sebab ayahnya yang menjadi syeikh haji yang bertanggungjawab membawa datuk nenek mereka dari Jawa untuk menetap di Singapura.

(“Penulis Tua”, 1995 : 718)

Dalam petikan cerpen “Penulis Tua” itu, A. Samad Ismail bukan sahaja telah menggambarkan tentang kedatangan penduduk Pulau Jawa ke Singapura tetapi mereka juga digambarkan sebagai masyarakat yang masih lagi kuat berpegang kepada segala adat kehidupan dan kepercayaan-kepercayaan yang biasa mereka amalkan di Tanah Jawa.

Selain melihat kemajuan Singapura, satu lagi aspek sejarah yang telah diselitkan oleh A. Samad Ismail dalam beberapa cerpennya adalah tentang polisi pemerintahan Inggeris yang mengamalkan dasar ‘pecah dan perintah’ atau ‘divide and rule’. Dasar ini telah diperkenalkan oleh pihak Inggeris bagi memudahkan dasar imperialism mereka dalam usaha untuk memerintah Tanah Melayu dan Singapura. Dasar ini merujuk kepada pemisahan kaum berdasarkan bidang ekonomi. Orang Melayu misalnya, akan tinggal di kawasan-kawasan kampung dan bekerja sebagai petani, nelayan dan kerja-kerja kampung yang lain.

Bagi orang Melayu yang mempunyai pendidikan pula iaitu sama ada pendidikan Inggeris atau Melayu, mereka akan menjawat tiga jawatan yang biasa diceburi iaitu guru, wartawan ataupun kerani. Kaum India pula biasanya akan bekerja sebagai buruh di estet-estet getah, pelabuhan ataupun di bandar-bandar. Sementara orang-orang Cina' pula akan mengusahakan lombong-lombong bijih ataupun menjadi peniaga di bandar-bandar besar. Dalam hal ini, ramai orang Cina

ini yang menjadi orang yang berjaya dan kaya-raya dalam bidang perlombongan ataupun perniagaan.

Pemisahan kaum berdasarkan penguasaan ekonomi ini sedikit sebanyak telah turut dipaparkan oleh A. Samad Ismail dalam petikan berikut:

Sebahagian besar penduduknya terdiri dari orang-orang Cina. Pedagang-pedagang bukan Melayu termasuk Inggeris dan lain-lain menguasai ekonomi Singapura. Orang-orang Melayu kebanyakannya hanya drebar, polis dan kaki tangan peringkat rendah dalam swasta atau dalam perkhidmatan awam penjajah.

(A. Samad Ismail, 1993 : 211-212)

Pembahagian kaum berdasarkan ekonomi ini telah menyebabkan pihak Inggeris memerintah dengan mudah dan berjaya mengekalkan kuasa mereka kerana tidak akan wujud perpaduan di kalangan tiga kaum tersebut. A. Samad Ismail turut memasukkan aspek sejarah tentang pemisahan kaum ini dalam cerpen-cerpennya yang bertajuk “Surat Kepada Tauke”, “Surat Daripada Tauke”, “Puthu”, “Seorang Pengail”, “Ingin Jadi Pujangga” dan “Penulis Tua”.

Dalam cerpen “Surat Kepada Tauke” dan “Surat Daripada Tauke” misalnya, A. Samad Ismail telah menggambarkan bagaimana Ahmad, seorang pemuda Melayu, telah bekerja dan berkhidmat dengan seorang ahli perniagaan berbangsa Cina yang kaya-raya dan terkenal yang dipanggilnya sebagai Tauke Guan atau Mr. Guan. Cerpen “Puthu” pula mengisahkan tentang watak utamanya Puthu yang berbangsa India dan bekerja sebagai buruh am dengan Majlis Daerah. Cerpen “Ingin Jadi Pujangga” pula A. Samad Ismail telah menampilkan watak Ariff yang berbangsa Melayu dan berkhidmat sebagai guru di samping menjadi wartawan dan penulis pada

masa lapangnya. Begitu juga dengan Haji Reza dalam cerpen “Penulis Tua” yang merupakan seorang pesara guru sekolah Melayu dan pernah menjadi penulis semasa mudanya dan masih cuba bergerat dalam bidang tersebut walaupun selepas bersara. Pak Kemat dalam cerpen “Seorang Pengail” adalah seorang penangkap ikan yang tinggal di sebuah kawasan perkampungan Melayu.

Dalam hal yang berkaitan dengan orang Melayu pula, biasanya jika tidak menjadi wartawan atau guru, mereka akan bekerja sebagai kerani di bawah arahan orang-orang Inggeris sendiri. Menurut A. Samad Ismail, pada masa sebelum perang, orang Melayu yang bekerja sebagai kerani, dianggap mempunyai taraf atau kedudukan yang agak tinggi dan sangat dihormati dalam masyarakat seperti yang tergambar dalam petikan berikut:

Di waktu sebelum perang, golongan berpendidikan Inggeris agak tinggi tarafnya dalam masyarakat sekalipun sekadar menjadi kerani sahaja.

(A. Samad Ismail, 1993 : 219)

Dalam cerpen “Ke Bintan-To”, watak utamanya iaitu Encik Mahmud digambarkan pernah bekerja dengan pihak Inggeris sebagai seorang kerani dan jawatannya itu telah menyebabkan beliau sangat dihormati oleh masyarakatnya pada masa itu.

Sungguh berlainan sekali hidupnya dahulu. Ah, waktu itu Mahmud jadi seorang kerani besar... dan memang hetul dahulu orang-orang kampung memanggilnya “Encik Mahmud kerani besar”... Semenjak dia insaf bahawa keadaannya sudah berubah, dia pun menghalusi kehidupannya

daripada dia senang dahulu, ketika dia berkolar necktie lagi, ketika dia duduk sebilik dengan tuan besarnya.

(“Ke Bintan-To”, 1995 : 15)

Dalam cerpen “Rumah Pak Haji Harun”, watak Ali turut digambarkan sebagai seorang pemuda yang telah bekerja sebagai seorang kerani dengan perkhidmatan pos semasa penjajahan Inggeris.

Tetapi dia sudah bekerja dua tahun sebagai kerani di pejabat pos dengan gaji \$30.00 sebulan, dan sudah mampu membeli sepatunya sendiri.

(“Rumah Pak Haji Harun”, 1995 : 225)

Selain bekerja sebagai guru, wartawan dan kerani, orang-orang Melayu juga ramai yang terlibat dengan pasukan keselamatan dan biasanya menjadi polis sebagai S.C. atau Special Constable dengan mempunyai ketua yang berbangsa Inggeris. Misalnya dalam cerpen “Rumah Pak Haji Harun”, bapa Ali iaitu Pak Haji Harun pernah menjadi seorang anggota polis sebelum bersara daripada perkhidmatan tersebut. Dalam cerpen “Bung Leman”, Idris iaitu watak utamanya telah menggambarkan bagaimana ramai rakannya yang menjadi S.C. Dalam cerpen “Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, A. Samad Ismail telah memberikan watak Kak Nani yang pernah menjadi perempuan simpanan kepada seorang pegawai polis berbangsa Inggeris yang bernama Harrison.

Menurut cerita kawan-kawan ayahnya, selama bekerja menjadi polis, ayahnya tidak pernah ada kes, tidak pernah menangkap orang.

(“Rumah Pak Haji Harun”, 1995 : 226)

Mana yang ada pekerjaan meneruskan usaha mereka mencari naafkah hidup seperti biasa dan mana-mana yang mengganggu mencarilah kerja

lekas-lekas supaya jangan kata orang nanti mereka berpolitik lagi. Ada setengah-setengahnya langsung masuk S.C.

(“Bung Leman”, 1995 : 104)

“Tidak lama lepas itu aku tinggal dengan orang putih pula, pegawai polis,” kata Kak Nani.

(“Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, 1995 : 690)

Hasil penelitian terhadap watak-watak tersebut, secara langsung kita dapat melihat bagaimana memang terdapat pemisahan kaum dan pemisahan ekonomi yang diamalkan oleh pihak penjajah Inggeris dan terpantul dalam karya-karya cerpen A. Samad Ismail seperti yang telah dinyatakan tadi. Hal ini dengan jelasnya, telah membuktikan bahawa memang wujudnya aspek pencejarahan dalam cerpen-cerpen yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail.

Dalam bidang pendidikan pula, pihak Inggeris telah memperkenalkan sistem pendidikan yang amat berbeza dengan sistem pendidikan tradisional. Dalam sistem pendidikan tradisional, kanak-kanak terutamanya kanak-kanak lelaki akan dihantar ke sekolah-sekolah pondok untuk mendalamai ilmu agama sementara kanak-kanak perempuan akan lebih terdidik di rumah untuk belajar cara-cara menguruskan rumah tangga dengan lebih baik. Kedatangan Inggeris telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam sistem pendidikan tradisional yang sedia ada ini. Kanak-kanak yang kebanyakannya kanak-kanak lelaki akan dihantar belajar ke sekolah-sekolah Melayu dan sekiranya mereka cemerlang dalam pelajaran, peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris adalah amat cerah. Kanak-kanak itu seterusnya akan berada di sekolah Inggeris dan menamatkan persekolahan mereka melalui peperiksaan Senior Cambridge. Kelulusan sekolah Inggeris dengan

pencapaian Senior Cambridge ini amatlah dipandang tinggi oleh masyarakat dan orang-orang Melayu pada masa itu.

Sistem pendidikan yang berteraskan sistem pendidikan Inggeris ini turut dapat dikesan dalam sebahagian cerpen yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail. Dalam cerpen “Ahli Bahasa”, watak utamanya iaitu Yazid digambarkan sebagai seorang pemuda Melayu yang berkelulusan Senior Cambridge.

Tetapi Yazid sudah berpolemik dalam akhbar kami dengan tokoh-tokoh bahasa dan sastera tanah air zaman itu... Kecekapannya tidak melebihi kecekapan pemberita-pemberita seperti Ayub atau Ariff. Dia kelulusan Senior Cambridge.

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 570)

Dalam cerpen “Pertentangan”, watak utamanya iaitu Adnan turut digambarkan sebagai seorang pemuda yang mempunyai kelulusan sekolah Inggeris.

Abangnya memang sayang kepadanya. Dia yang menyekolahkan Adnan hingga lulus sekolah Inggeris.

(“Pertentangan”, 1995 : 64)

Dalam cerpen “Soal Kereta”, watak utamanya iaitu Shamsuddin juga mempunyai kelulusan sekolah Inggeris dengan mempunyai sijil Senior Cambridge. Kelulusan sekolah Inggerisnya, telah memudahkan Shamsuddin bekerja sebagai seorang wartawan.

Shamsuddin berusia kira-kira 22 tahun,... Dia mula bekerja dua tahun yang lalu setelah lulus Senior Cambridge Grade III.

(“Soal Kereta”, 1995 : 478)

Selain membawa perubahan dalam aspek pemerintahan, politik dan juga ekonomi, perubahan turut berlaku terhadap cara hidup orang-orang Melayu di Singapura. Banyak cara hidup dan budaya barat yang telah diambil dan diamalkan oleh masyarakat Melayu. Misalnya, antara budaya negatif yang diambil dari barat adalah seperti berleluasanya aktiviti pelacuran, kegiatan perjudian dan minum arak. Hal ini sudah tentulah bertentangan dengan cara hidup orang Melayu yang rata-ratanya pula adalah beragama Islam. Secara langsung, zaman penjajahan Inggeris ini telah menyebabkan wujudnya masalah sosial di kalangan orang-orang Melayu khasnya pada golongan muda yang agak bebas cara hidup mereka.

Cara hidup barat turut mempengaruhi A. Samad Ismail sendiri. Pengakuannya tentang kehidupannya yang telah dipengaruhi oleh cara hidup barat ini, dapat kita perhatikan seperti dalam petikan berikut:

Selesai bekerja di office, saya tidak pulang ke rumah melainkan ke New World atau ke Great World untuk minum bersama teman-teman hingga larut malam ataupun berfoya-foya ke kabaret. Ada kalanya saya tidur di kabaret akibat terlalu banyak minum 'highball' bersama teman-teman.

(A. Samad Ismail, 1993 : 230)

A. Samad Ismail sendiri turut memberikan gambaran tentang keadaan dan pengaruh dari cara hidup barat ini dalam beberapa cerpennya yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga*. Misalnya dalam cerpen "Ahli Bahasa", A. Samad Ismail telah menggambarkan bagaimana kegiatan minum arak, merokok dan terlibat dengan pelacur adalah seperti satu kemestian kepada sesetengah golongan dalam masyarakat Melayu.

Yazid seperti tidak mendengar teriakan Basri. "Zid!", Basri berteriak lagi kuat-kuat. "Kalau kau tak percaya, kau tanya Mus sendiri. Kau belum jadi reporter. Kau belum pandai minum, kau belum pandai merokok, kau belum merasa betina. Terutama sekali, kau masih gadis lagi," teriak Basri lalu ketawa nyaring.

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 561)

Dalam cerpen “Mr. Haf Pa Dollah” dan “Belajar Agama” juga, A. Samad Ismail turut menggambarkan tentang keruntuhan moral yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu kesan daripada penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu dan juga Singapura.

Dia tidak seperti setengah-setengah pekerja Utusan, yang berjudi atau menghabiskan wang gaji minum di kedai tuak ataupun tiap kali mendapat gaji, akan mencari pelacur di Jalan Besar.

(“Mr. Haf Pa Dollah”, 1995 : 808)

“Awak tahu mengapa dia balik lambat sampai pukul 1.00 dan pukul 2.00 pagi? Awak mahu tahu? Kerana dia pergi berjoget. Dia pergi berjoget hampir tiap malam. Dia kaki kuda. Awak mahu tahu mengapa dia tidak balik tiga hari? Dia tidur rumah perempuan joget,” kata saya.

(“Belajar Agama”, 1995 : 375)

A. Samad Ismail dalam cerpen-cerpennya turut mengungkapkan bagaimana keruntuhan moral turut berlaku di kalangan kaum wanita kesan pengaruh barat disebabkan penjajahan Inggeris. Wanita-wanita yang mengalami tekanan hidup dalam zaman itu biasanya digambarkan sebagai wanita yang terlibat dengan aktiviti pelacuran dan kegiatan seks bebas. Wanita-wanita ini pula telah digambarkan

sebagai wanita-wanita yang bekerja di tempat-tempat joget dan taman-taman hiburan yang wujud dengan banyaknya di Singapura pada masa itu.

Sarip Jerawat sebaya dengan Yusuf Juling, masih bujang. Kononnya bersekedudukan dengan seorang penari joget di Kampung Kapur.

(“Peloncoan”, 1995 : 773)

“Dan mereka bergurau pula tentang hal-hal pelacur dan gadis-gadis yang mereka kenal. Mustapha menceritakan pengalamannya dengan perempuan-perempuan pelacur, perbezaan antara pelacur Cina dan Melayu, tentang layanan dan keseronokan antara kedua-duanya, tentang kenakalan mereka bergaul dengan janda-janda di kampung.”

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 575)

Bukan pula Mastura tidak pernah ‘nakal’ pada masa mudanya. Ketika menjadi penari joget dahulu, ‘boy-friendnya’ bukanlah Cik Ariff seorang.

(“Mastura”, 1995 : 246)

Selain membawa pengaruh terhadap cara hidup, masyarakat Inggeris turut memperkenalkan kebudayaan mereka apabila datang menjajah Tanah Melayu dan Singapura. Salah satu daripada pengaruh kebudayaan penjajah Inggeris yang telah diselitkan oleh A. Samad Ismail dalam cerpennya adalah tarian barat yang telah disebarluaskan ke dalam masyarakat Melayu seperti yang terdapat dalam cerpen “Rumah Kedai Di Jalan Seladang”. Menurut A. Samad Ismail sendiri, dalam bukunya *Memoir A. Samad Ismail Di Singapura* (1993 : 145), kebanyakan pemuda-pemudi di Singapura pada masa itu memang sedang ‘gila’ dan hebat untuk mempelajari beberapa jenis tarian dari barat di beberapa buah kelab malam yang terkenal di Singapura pada masa itu.

Pada masa itu saya baru sahaja 'lulus' menari tarian waltz, foxtrot dan beberapa tarian Barat yang lain dan mulai menguji kepandaian saya di taman-taman tarian di New World dan Great World.

(A. Samad Ismail, 1993 : 145)

Dalam cerpen "Rumah Kedai Di Jalan Seladang", watak utamanya iaitu Leman juga dikatakan baru sahaja lulus dalam ujian tarian dari barat dan ingin mencuba kepandaianya itu di sebuah kabaret.

Leman dan beberapa teman pada malam sebelumnya pergi ke kabaret di Happy Park. Mereka baru lulus "ujian" berdansa daripada seorang guru tari dan malam itu mereka merayakan 'kelulusan' mereka. Leman berpasangan dengan Leha.

("Rumah Kedai Di Jalan Seladang", 1995 : 678)

Sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, kekuatan utama tentera British di Tanah Melayu dan Singapura bergantung pada pasukan polis. Pegawai-pegawai kanan polis terdiri daripada orang British dan berjumlah lebih kurang 200 orang. Apabila pihak British menyedari keadaan begitu genting di Pasifik, Marsyal Udara Sir Robert Brooke-Popham telah dilantik sebagai Pegawai Pemerintah Timur Jauh yang beribu pejabat di Singapura. Pada 23 Disember 1941, Lt. Jeneral Sir Henry Pownail tiba di Singapura untuk mengambil alih tugas daripada Sir Robert Brooke-Popham (Mohamad Isa Othman, 1992 : 10).

Pertahanan British di daratan Semenanjung ternyata begitu tertekan. Tindakan ibu pejabat Pemerintah Tentera Udara Timur Jauh British untuk menggunakan lapangan terbang di bahagian tengah dan selatan Tanah Melayu dianggap sebagai keputusan yang tergesa-gesa. Dari segi strategi am, pihak British

juga menyebabkan bahagian utara Tanah Melayu dengan mudah ditawan oleh Tentera Jepun. Pasukan British memang tidak berhasrat mempertahankannya sehinggalah tentera yang terakhir gugur ke bumi. Matlamat mereka ialah mempertahankan Singapura. Menurut Jeneral Percival, salah satu sebab kekalahan pihak British ialah kerana masalah pertahanan awam yang lemah. Masyarakat berbilang kaum telah menyebabkan mereka sukar bersatu untuk mempertahankan Tanah Melayu (Mohamad Isa Othman, 1992 : 23–24).

Persediaan pihak Inggeris atau British dalam usaha mereka untuk mempertahankan Singapura, sebenarnya telah turut diselitkan oleh A. Samad Ismail dalam beberapa cerpennya seperti yang terkandung dalam cerpen “Soal Kereta” dan “Peloncoan”. Dalam cerpen “Peloncoan” misalnya, Leman telah ditugaskan oleh ketuanya iaitu Pak Syeikh Khadir untuk membuat laporan tentang persediaan rapi tentera British di Fort Canning yang terletak di Changi. Di kem tersebut, Leman bersama beberapa orang wartawan yang lain telah dibawa untuk melihat persediaan dan kelengkapan yang telah dilakukan oleh pihak British untuk menghadapi ancaman ketenteraan dari Jepun.

Leman pulang lewat petang ke pejabat daripada tinjauannya ke kubu-kubu tentera British di Changi. Dia menghabiskan waktu sehari suntuk di kompleks pertahanan tentera yang luas di hujung Pulau Singapura itu, melihat meriam-meriam yang gagah besar terpacak di kubu-kubu batu konkrit di tepi pantai, dan dia berasa kagum. Belum pernah dia melihat alat-alat kelengkapan perang yang begitu hebat. Meriam-meriam di bawah tanah yang boleh ditimbulkan ke atas darat secara automatik dengan hanya memicit suis. Meriam-meriam yang boleh digerakkan oleh kereta-kereta perisai.

(“Peloncoan”, 1995 : 771–772)

Pihak British begitu yakin akan dapat mempertahankan Singapura daripada jatuh ke tangan pihak Jepun. Hal ini berdasarkan kepada kekuatan ketenteraan British dengan dibantu oleh peralatan ketenteraan yang dianggap canggih pada masa itu. Selain itu, pihak British juga memandang rendah terhadap keupayaan dan kebolehan tentera Jepun yang dianggap sebagai kuasa timur yang jauh lebih mundur berbanding kuasa barat. Keyakinan tentera British untuk mempertahankan pulau Singapura ini telah turut diselitkan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen "Peloncoan" ini melalui perbualan Leman dengan kawan-kawan sepejabatnya yang lain sekembalinya beliau dari lawatannya ke kubu-kubu tentera British di Changi.

"Ada meriam besar sebesar pemeluk kelapa yang boleh timbul tenggelam di sepanjang pantai. Ada meriam yang muncungnya menunggu kapal-kapal perang Jepun lalu di laut dekat Changi, bukan? Leman mengangguk. "Pendeknya, orang putih kita ini yakinlah. Sepenuh-penuhnya yakin. Kalau terjadi sesuatu, kita rakyatnya ini, tak usah gentar, tak usah takut, kerana tentera British tetap kuat, boleh mengusir tentera Jepun, Begitukah Man?" "Begitulah." "Kalau begitu. Kau tulislah kesan yang kau dapat dari lawatan kau itu bahawa British yakin dapat menangkis tentera musuh kalau musuh menyerang pulau ini dari laut. Persiapannya cukup lengkap. Kemudian kau ceritakan apa yang kau lihat dan nampak. Meriam-meriam besar. Dawai-dawai duri. Kubu-kubu tepi pantai lengkap dengan mesin-gan."

Yusuf Juling menyampuk.

(“Peloncoan”, 1995 : 780)

Dalam cerpen “Soal Kereta” juga, A. Samad Ismail telah memberikan gambaran bagaimana Shamsuddin turut membuat liputan tentang sidang akhbar yang diadakan oleh seorang pegawai kanan tentera British di Changi.

Shamsuddin naik kereta office pagi tadi untuk menghadiri sidang akhbar seorang panglima tentera udara British di pangkalan Changi.

(“Soal Kereta”, 1995 : 477)

Keyakinan tentera British untuk mempertahankan Tanah Melayu dan Singapura ini akhirnya hancur berkecaci. Penaklukan Tanah Melayu berlaku begitu cepat dan berkesan. Seluruh Tanah Melayu dan Singapura ditawan dalam masa 70 hari sahaja. Pada 15 Februari 1942, Jeneral Percival telah menandatangani surat menyerah kalah di Bukit Timah, Singapura. Penyerahan itu akan diikuti dengan penyusunan pentadbiran tentera Jepun bagi memperkuatkuhan penguasaannya di Tanah Melayu (Mohamad Isa Othman, 1992 : 26).

A. Samad Ismail turut menyentuh tentang kekalahan tentera Inggeris kepada tentera Jepun seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Tentera Berikat telah menyerah diri dan askar-askar Jepun berkeliaran di kampung mencari sisasisa askar British dan India yang sesat masuk ke dalam kampung.

(A. Samad Ismail, 1993 : 240)

Peristiwa bersejarah tentang kekalahan tentera British di tangan tentera Jepun ini sebenarnya telah turut diselitkan oleh A. Samad Ismail dalam sebuah cerpenya yang bertajuk “Budak-budak Main Soldadu”. Dalam cerpen ini, secara berkias A. Samad Ismail telah menggunakan sekumpulan kanak-kanak yang bermain perang dan mereka dibahagikan kepada dua kumpulan yang mewakili tentera British yang telah kalah dalam perang dan tentera Jepun yang telahpun memenangi peperangan tersebut. Kekalahan tentera British dengan Jeneral Percival sendiri menandatangani

dokumen menyerah kalah itu telah digambarkan oleh A. Samad Ismail seperti dalam petikan berikut:

Kekalahan British di Malaya sangat besar dan parah... Dalam kampung-kampung yang dahulunya menjadi medan pertempuran, kesan kekalahan askar-askar British tentu sangat besar dan dalam. Barang kali dalam kampung itu, mereka telah menyaksikan seorang panglima British tunduk kepada Nippon, mengangkat bendera putih.

(“Budak-budak Main Soldadu”, 1995 : 23)

Dalam cerpen “Budak-budak Main Soldadu” juga, A. Samad Ismail telah menggambarkan tentang satu lagi peristiwa sejarah iaitu tentang pakatan tentera bersekutu yang turut dianggotai oleh Amerika Syarikat dan British. Amerika Syarikat dengan Presidennya pada masa itu iaitu Presiden Franklin D. Roosevelt cuba menyekat Hitler dan tentera Jerman daripada menguasai Eropah dan sebahagian Afrika. Sementara British pula yang pada masa itu mempunyai seorang Perdana Menteri dari parti Konservatif yang sedang memerintah iaitu Winston Churchill pula cuba menghalang Jepun daripada meluaskan kuasanya di kawasan Pasifik dan Asia. Pakatan antara Roosevelt dan Churchill ini akhirnya tidak berjaya kerana Jerman berjaya menguasai sebahagian Eropah dan Jepun berjaya menguasai sebahagian besar Pasifik dan Asia. Kekalahan dua kuasa besar dari barat ini merupakan satu tamparan yang amat hebat kepada kedua-dua orang pemimpinnya yang telah digambarkan oleh A. Samad Ismail seperti dalam petikan berikut:

Pemandangan budak-budak itu bermain soldadu sesungguhnya bererti besar. Kepada Churchill dan Roosevelt, pemandangan ini harus menjadi satu ukuran untuk menyelami perasaan orang-orang Asia pada masa ini. Tapi sayang, Churchill-Roosevelt tidak dapat datang ke mari

untuk mengetahui perasaan orang-orang Asia terhadap kehinaan dua bangsa Barat yang dikalahkan oleh Nippon.

(“Budak-budak Main Soldadu”, 1995 : 23)

Kekalahan pihak Inggeris di tangan Jepun telah melenyapkan anggapan rakyat selama ini bahawa Inggeris tidaklah sekuat mana bahkan dapat dikalahkan oleh kuasa timur yang kekuatannya selama ini amatlah diragukan. Keadaan ini telah menimbulkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat termasuklah golongan kanak-kanak. Golongan kanak-kanak juga tidak ketinggalan untuk melakonkan semula peperangan yang berlaku di antara tentera Jepun dan tentera Inggeris serta akhirnya memberi kemenangan pula kepada tentera Jepun. A. Samad Ismail juga beranggapan bahawa peperangan yang berlaku itu mempunyai kesan yang buruk tetapi dalam masa yang sama peperangan itu juga telah membuka mata semua orang bahawa semangat perjuangan amatlah penting untuk hidup bebas daripada sebarang penjajahan.

Pengunduran pihak Inggeris akibat kekalahan itu juga menurut A. Samad Ismail adalah sesuatu yang memalukan, sedangkan kemenangan pihak Jepun pula harus dipuji dan dialu-alukan. Secara halusnya juga, cerpen ini telah mengungkapkan bahawa A. Samad Ismail berpendapat bahawa semangat nasionalisme di kalangan rakyat turut meningkat melalui peristiwa peperangan yang telah memberikan tampanan yang hebat kepada pihak British.

Sebagai seorang tokoh yang pernah mengalami kehidupan semasa penjajahan Inggeris, A. Samad Ismail tidak dapat lari daripada memasukkan sedikit sebanyak peristiwa-peristiwa bersejarah yang telah berlaku dalam tempoh tersebut. Hal ini ditambah pula, kerana tugasnya sebagai seorang wartawan telah memastikan

penglibatannya secara langsung dalam peristiwa-peristiwa tersebut. Sebagai seorang tokoh yang banyak terlibat dengan perkembangan semasa di tanah air, A. Samad Ismail mempunyai pandangan dan pemikirannya yang tersendiri tentang sesuatu isu atau perkara yang timbul dalam satu-satu tempoh masa tertentu dalam perkembangan sejarah tanah air. Sebagai seorang penulis yang sangat kritis dan tajam pemikirannya, A. Samad Ismail amat memahami bahawa ada kalanya beliau tidak boleh terlalu lantang dalam menyuarakan pandangan atau pemikirannya itu. Oleh yang demikian, beliau telah menggunakan karya-karya cerpennya sebagai wadah untuk menyampaikan pandangan-pandangannya itu. Jadi, tidaklah menghairankan jika terdapat banyak karya cerpennya yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini sarat dengan peristiwa-peristiwa sejarah sama ada yang disampaikan secara tersurat mahupun tersirat.

5.3 Pensejarahan Dalam Zaman Pendudukan Jepun

Mengikut fakta sejarah, selepas berjaya merampas Tanah Melayu dan Singapura dari tangan British, Jepun mula mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Nama Tanah Melayu telah ditukar kepada Malai dan nama Singapura pula telah ditukar kepada Syonan-To. Pada 28 Mac 1943, Tanah Melayu dan Singapura telah disatukan di bawah satu unit politik yang berpusat di Singapura untuk kepentingan ekonomi dan pertahanan (Mohamad Isa Othman, 1992 : 35).

Pendudukan Jepun ke atas Tanah Melayu dan Singapura selepas berjaya mengalahkan suatu kuasa barat iaitu Inggeris telah membawa kesan yang amat besar dari aspek ekonomi kepada rakyat. Pada mulanya, kedatangan pihak Jepun telah

disambut dengan baik oleh rakyat kerana beranggapan bahawa Jepun mampu mengubah keadaan dan taraf hidup supaya menjadi lebih baik. Kedatangan Jepun dianggap akan dapat menyamaratakan kedudukan taraf dalam masyarakat. Namun, apa yang berlaku adalah keadaan taraf hidup menjadi bertambah merosot dan rakyat hidup dalam kesusahan dan penderitaan kesan daripada kekurangan bekalan makanan dan mata wang Jepun sendiri yang tidak membawa nilai.

Catatan sejarah juga telah menunjukkan bahawa keadaan ekonomi tempatan ternyata menjadi semakin buruk akibat perang yang berlanjutan. Rancangan yang diatur oleh Jepun untuk pemuliharaan ekonomi telah gagal. Bekalan barang-barang berkurangan dan harganya meningkat. Perdagangan dalam negeri dan antarabangsa turut terancam. Ditinjau dari segi kehidupan rakyat, ternyata Jepun tidak dapat memenuhi impian kemakmuran Asia. Rakyat menghadapi masalah kekurangan makanan, pakaian dan barang keperluan harian yang lain. Inflasi yang buruk menjadikan mata wang Jepun yang telah mengantikan mata wang ringgit British amat rendah nilainya, dan rakyat terpaksa menggunakan wang yang banyak untuk membeli barang-barang. Kekurangan makanan utama telah menjadikan ubi kayu menjadi makanan penting sehingga tempoh pemerintahan Jepun dikenali sebagai Zaman Ubi Kayu (Mohamad Isa Othman, 1992 : 81 - 83).

Mohamad Isa Othman juga dalam bukunya *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu 1942-1945* (1992 : 84), juga ada menyatakan bahawa, bagi mengatasi masalah kekurangan makanan itu, pihak Jepun cuba menggalakkan pengeluaran makanan dengan menjalankan kegiatan pertanian sara diri. Jepun berpendapat bahawa Tanah Melayu dan Singapura akan terus menghadapi masalah kekurangan bahan makanan akibat sekatan ekonomi oleh negara barat. Oleh itu, usaha perlu

dilakukan untuk menambah bekalan bahan makanan. Adalah diharapkan juga, langkah ini akan dapat menurunkan harga barang makanan serta mengurangkan inflasi. Antara langkah yang diambil untuk menjayakan rancangan ini termasuklah mengadakan pameran pertanian, menggalakkan rakyat menanam untuk makanan sendiri seperti sayur-sayuran, jagung dan ubi kayu. Pihak berkuasa tentera pula dalam usaha memaksa rakyat berusaha sendiri telah mengurangkan jumlah bekalan makanan melalui program catuan.

Pada zaman Perang Dunia Kedua itu, makanan penting untuk masyarakat iaitu beras telah menjadi berkurangan dan telah hilang daripada pasaran. Begitu juga dengan makanan mewah yang lain misalnya tepung dan susu. Oleh yang demikian, rakyat terpaksa makan dan beralih kepada makanan lain yang lebih mudah didapati seperti ubi kayu untuk menggantikan nasi atau beras (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 144).

Menurut A. Samad Ismail (1993 : 216–217), dalam bukunya *Memoir A. Samad Ismail Di Singapura*, telah menyatakan bagaimana estet-estet getah yang luas telah dibersihkan semasa pendudukan Jepun. Estet-estet yang telah dibersihkan itu kemudiannya dijadikan ladang untuk menanam sayur-sayuran terutama sekali ubi kayu bagi keperluan hidup penduduk. Pembahagian tanah lot untuk bercucuk-tanam dan membina rumah telah dilakukan oleh pihak berkuasa Jepun serta ahli-ahli dari Kesatuan Melayu Muda. Kebanyakan yang menjadi petani untuk mengerjakan tanah-tanah lot tersebut adalah terdiri daripada orang-orang Melayu yang sebahagian besarnya adalah golongan miskin. Namun, terdapat juga golongan yang menjadi petani itu pernah bekerja sebagai kerani semasa pemerintahan Inggeris. Antara kenalan A. Samad Ismail sendiri yang menyahut seruan pihak Jepun untuk menjadi

petani ini adalah Ishak Haji Muhammad yang sanggup meninggalkan jawatan Ketua Pengarang di *Berita Malai* untuk berhijrah ke Pulau Bintan bagi menjadi petani.

Rakyat mula hilang kepercayaan terhadap pemerintah Jepun apabila pihak Jepun tidak berjaya memperbaiki taraf hidup rakyat yang menyebabkan mereka hidup menderita dan sengsara. Dalam hal ini sebenarnya, A. Samad Ismail turut mengalami keadaan yang sama, di mana beliau dan keluarganya turut hidup menderita dan susah kerana mata wang Jepun yang tidak bernilai dan memaksa beliau dan keluarganya bergantung kepada makanan yang menjadi makanan utama pada masa itu iaitu ubi kayu.

Kesusahan dan kesempitan hidup yang dialami oleh rakyat dalam zaman Jepun itu turut dicatatkan oleh A. Samad Ismail dalam bukunya *Memoir A. Samad Ismail Di Singapura* seperti yang dapat diperhatikan dalam perenggan berikut:

Apa lagi taraf hidup pun tidak berbeza pada masa itu antara teman-teman sekerja, maklumlah masing-masing hidup kesempitan, berpakaian lusuh, kerana kekurangan pakaian dalam masa Jepun. Kebanyakan kami membawa bekalan ubi kayu atau keledek rebus dari rumah untuk makan tengah hari.

(A. Samad Ismail, 1993 : 236)

Kemiskinan dan kesusahan yang terpaksa ditempuh oleh rakyat pada zaman Jepun tersebut telah memberikan ilham kepada A. Samad Ismail untuk menghasilkan cerpen-cerpen yang sarat dengan peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku semasa zaman pendudukan tentera Jepun yang gagal untuk membawa perubahan yang positif terhadap ekonomi rakyat pada masa itu. Antara cerpen yang menggambarkan keadaan ekonomi rakyat pada masa pendudukan Jepun seperti yang terdapat dalam

catatan sejarah dan terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini adalah seperti “Seorang Pengail”, “Budak-budak Main Soldadu”, “Ubi Kayu”, “Ke Bintan-To”, “Pak Yak Mahu Kahwin”, “Ah Khaw Masuk “Syurga”” dan “Rumah Kedai Di Jalan Seladang.”

Melalui cerpen “Seorang Pengail”, A. Samad Ismail telah cuba menggambarkan kesusahan hidup yang terpaksa ditanggung oleh rakyat kesan daripada perperangan seperti yang telah dicatatkan dalam sejarah. Beliau telah menggunakan zaman semasa pendudukan Jepun atau zaman perang sebagai latar kepada kesusahan dan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat.

Siapa yang tidak susah pada masa ini? Sama ada negeri itu berperang atau tidak, rakyatnya tetap menghadapi sedikit sebanyak kesusahan.

(“Seorang Pengail”, 1995 : 1)

Cerpen ini cuba menggambarkan keadaan hidup pada masa pemerintahan Jepun itu sangat merosot dan perkara yang sering kali menjadi isu utama adalah bagaimana hendak mendapatkan keperluan harian terutamanya barang makanan. A. Samad Ismail menggunakan dan menggambarkan dirinya dalam cerpen ini sebagai seorang pemuda yang sering mengeluh kerana turut menghadapi bahang perperangan itu dengan mengalami kekurangan wang, pakaian dan makanan. Walau bagaimanapun pertemuannya dengan seorang pengail yang bernama Pak Kemat telah mengubah pandangan hidupnya. Pak Kemat hidup sederhana dan bersyukur dengan apa yang ada dalam hidupnya. Keadaan ini menjadikan Pak Kemat tidak pernah susah hati dengan penderitaan hidup yang berlaku pada masa itu. Pak Kemat rajin bekerja dan sentiasa tenang dalam menghadapi kesusahan hidup yang dialaminya. Hasil pertemuannya dengan Pak Kemat telah menjadikan pemuda

tersebut mendapat satu pengajaran dalam hidupnya iaitu beliau harus sentiasa tabah dan berpandangan positif dalam menghadapi hidupnya dan dalam zaman perang tersebut kekuatan seseorang itu bukanlah terletak pada harta dan wang ringgit tetapi pada tubuh dan semangat yang kuat seperti yang digambarkan dalam contoh berikut:

Saya insaf ketika itu bahawa kebanyakan orang telah membuang kekuatan rohani kerana mementingkan hawa nafsu dan wang ringgit; membesar kan harta dan wang, hingga kalau kekurangan dia rasanya risau dan harus hilang akal.

(“Seorang Pengail”, 1995 : 3)

Kita mestilah bersenjatakan suatu falsafah yang baru kepada setengah-setengah orang – falsafah hati yang cekal, yakin dan sabar. Masa ini modal hidup seseorang bukanlah wang ringgit dan harta benda melainkan yang sebenarnya ialah tubuh dan semangat yang kuat.

(“Seorang Pengail”, 1995 : 4)

Melalui cerpen “Seorang Pengail”, perkara utama yang ingin disampaikan oleh A. Samad Ismail adalah beliau mahu rakyat pada masa itu tidak berputus asa dalam hidup walaupun mengalami kesempitan dalam masa pemerintahan Jepun. Beliau juga tidak mahu orang Melayu bersikap mementingkan diri sendiri kerana orang lain juga turut menghadapi masalah yang sama. A. Samad Ismail juga menganggap bahawa zaman Jepun adalah masa keemasan bagi orang Melayu untuk mengubah sikap dan bergerak cergas di dalam bidang-bidang ekonomi dan sosial. Mereka tidak seharusnya membuang masa dengan tidak tentu pasal dan tujuan (Azhar Wahid, 2003 : 62). Namun, sesuatu yang dilihat di sini adalah A. Samad Ismail telah menggunakan cerpen ini untuk menyampaikan propaganda Jepun dan

hal ini tidaklah menghairankan kerana pengeluaran surat khabar pada masa itu adalah dikawal oleh pihak Jepun.

Selain cerpen “Seorang Pengail”, satu lagi cerpen yang mengungkapkan tentang peristiwa sejarah yang berkaitan tentang keperitan ekonomi semasa zaman Jepun adalah cerpen yang bertajuk “Ubi Kayu”. Cerpen yang berlatarbelakangkan Singapura selepas jatuh ke tangan Jepun mengisahkan tentang bagaimana keperitan ekonomi yang berlaku pada masa itu. Disebabkan barang-barang keperluan utama seperti beras, susu, dan sebagainya amat sukar diperolehi telah menyebabkan rakyat terpaksa mencari sumber makanan yang lain seperti ubi kayu. Kebergantungan rakyat pada masa itu kepada ubi kayu dapat dilihat dengan jelas seperti berikut

Masa ini semua orang kasihkan ubi kayu; kepit, junjung dan julang ubi kayu; tidak ada lain yang dicakapkan melainkan ubi kayu; di dapur, di trem, di majlis kahwin – asyik ubi kayu, ubi kayu dan ubi kayu; hingga mimpi pun kadang-kadang dari hal ubi kayu juga.

(“Ubi Kayu”, 1995 : 6)

Dalam cerpen ini juga sebenarnya, selain sebagai catatan sebagai sebahagian peristiwa sejarah yang berlaku semasa pendudukan Jepun, apa yang ingin dikemukakan juga oleh A. Samad Ismail adalah dalam zaman susah seperti zaman Jepun itu tidak ada lagi perbezaan antara orang yang tinggi dan rendah kedudukannya. Semua orang mempunyai keperluan yang sama iaitu keperluan untuk mendapatkan sumber makanan utama pada masa itu iaitu ubi kayu bagi memastikan kesinambungan hidup.

Pakaian kami, dan emas intan perempuan kawan saya itu serta tarafnya sekali, bukan tempatnya di situ. Seolah-olah kami asing dalam sebuah ladang

ubi kayu, berjalan di atas lumpur, meniti-niti batang kelapa. Tetapi apa boleh buat. Kerana ubi kayu!

(“Ubi Kayu”, 1995 : 7)

Cerpen “Ubi Kayu” ini juga sebenarnya adalah sebagai mesej tersirat A. Samad Ismail kepada pihak Jepun iaitu sebagai sindiran bahawa kedatangan Jepun yang diharap-harapkan akan dapat membawa kemakmuran dari aspek ekonomi sebaliknya telah menghamparkan harapan dan cita-cita rakyat pada masa itu. Beliau menganggap pemerintah tentera Jepun adalah pihak yang bertanggungjawab yang menyebabkan berlakunya kekurangan makanan dan penderitaan hidup masyarakat di Singapura. Hal ini diburukkan lagi apabila wang Jepun yang telah diperkenalkan oleh pihak Jepun bagi menggantikan mata wang ringgit British tidak bernilai dan tidak berguna tetapi barang yang dipandang tinggi dan dihargai adalah ubi kayu seperti yang digambarkan oleh A. Samad Ismail dalam petikan berikut:

“Tengok itu,” katanya lagi, “kertas basah ini masih boleh laku..., tapi tak lawanlah dengan itu yang di dalam bakul... Itulah yang lebih isinya. Lai tidak!” katanya dengan suara yang nyaring sambil ketawa. Dia benar... oleh sebab itu tanamlah ubi kayu banyak-banyak!

(“Ubi Kayu”, 1995 : 12)

Cerpen “Ke Bintan-To” adalah satu lagi cerpen yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail yang mempunyai unsur sejarah yang dapat menggambarkan keadaan hidup rakyat pada masa perang. Peperangan yang berlaku telah banyak mengubah cara hidup seseorang dari yang kaya menjadi miskin dan dari yang miskin menjadi bertambah miskin. Keadaan ini telah turut dilalui oleh Mahmud yang pernah hidup mewah kerana bekerja sebagai kerani pada masa sebelum perang. Kehidupannya berubah menjadi susah apabila Jepun berjaya menduduki Singapura dan seperti

keadaan orang lain juga pada masa itu, beliau menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan.

Memang betul dahulu hidupnya anak-beranak senang, walaupun sekarang seperti orang kebanyakan sahaja. Memang betul sekarang mereka makan bersukat.

(“Ke Bintan-To”, 1995 : 15)

A. Samad Ismail telah menghasilkan cerpen ini, ketika beliau menjadi wartawan di *Berita Malai*. Seperti yang diketahui pada masa itu, Jepun menggunakan penerbitan surat khabar dan majalah untuk menyebarkan propaganda mereka. Oleh yang demikian, cerpen “Ke Bintan-To” juga tidak dapat lari daripada tujuan tersebut. Pihak Jepun mempunyai keinginan agar rakyat pada masa itu menjadi petani dan bercucuk tanam serta membuka tanah-tanah pertanian bagi mengatasi kekurangan bekalan makanan. A. Samad Ismail cuba menyampaikan hasrat tentera Jepun itu melalui petikan cerpen ini seperti berikut:

Perlahan-lahan Mahmud membuka lembaran Berita Malai. Kemudian dia menggosok-gosok meratakan lembar surat khabar itu seraya menatap isinya.

“Siapa mahu tanah? Peluang yang sangat baik bagi orang-orang Melayu... Empat ekar. Perkakas dan benih diberi percuma serta \$200.00 wang bantuan daripada pihak yang berkuasa. Berita Malai, mendapat suatu perkhabaran yang sangat baik bagi kaum Melayu Syonan, iaitu berkenaan dengan peluang mengambil tanah di Bintan-To.” Sampai had ini Mahmud berhenti membaca.

(“Ke Bintan-To”, 1995 : 16)

A. Samad Ismail menghasilkan cerpen “Ke Bintan-To” bukan sahaja sebagai suatu cara untuk menyampaikan hasrat pihak Jepun tetapi bagi menguatkan lagi propaganda tersebut, beliau telah memberikan kejayaan dan kebaikan kepada usaha-

usaha untuk menjadi petani. Selain itu, melalui cerpen ini juga kita dapat melihat hasrat pihak Jepun yang mahukan rakyat berterima kasih kepada mereka kerana telah memberi bantuan kepada mereka yang berminat untuk menjadi petani. Melalui usaha-usaha pertanian jugalah Jepun mengharapkan agar masalah kekurangan makanan yang dihadapi pada masa itu dapat diatasi.

Dua minggu kemudian Berita Malai menyiarkan berita bahawa kumpulan yang pertama orang-orang Melayu ke Bintan-To telah selamat tiba di sana dan antara lain penulis surat khabar itu berkata:

“... antara mereka yang sudah jadi pak peladang ialah Encik Mahmud, seorang anak Syonan jati. Dia datang ke mari membawa keluarganya sekali. Mereka semuanya sangat suka mendapat peluang bercucuk tanam di Bintan-To serta mengucap syukur kepada Tuhan dan kepada pihak-pihak yang berkuasa kerana ini.

“Kata Encik Mahmud: ‘Saya tak dapat menceritakan bagaimana besar hati saya mendapat peluang ini. Saya cuma dapat mengucapkan syukur saja dan saya berazam akan bekerja keras menolong membanyakkan barang-barang makanan untuk kaum kita di Syonan.’”

(“Ke Bintan-To”, 1995 : 20)

Satu lagi cerpen yang telah digunakan oleh A. Samad Ismail bukan sahaja sebagai alat propaganda tentera Jepun tetapi juga sebagai gambaran sejarah tentang keperitan rakyat pada masa itu sehingga terpaksa bergantung kepada tanaman ubi kayu adalah cerpen yang bertajuk “Budak-budak Main Soldadu”. Cerpen ini menggambarkan bagaimana dua kumpulan kanak-kanak yang bermain perang. Satu kumpulan sebagai tentera Jepun yang menang dalam perang dan satu lagi kumpulan adalah sebagai tentera Inggeris yang kalah. Pengarang iaitu A. Samad Ismail cuba menyampaikan propaganda Jepun dengan memuji pihak yang menang dan mengeji pihak yang kalah iaitu bagaimana Inggeris yang merupakan suatu kuasa

barat yang dianggap gagah selama ini telah dapat dikalahkan oleh suatu kuasa dari timur iaitu Jepun.

British telah dihinakan oleh Nippon di hadapan mata mereka sendiri. Dan pada budak-budak, pemandangan itu sangat berkesan.

(“Budak-budak Main Soldadu”, 1995 : 23)

Melalui cerpen ini juga, A. Samad Ismail cuba menyampaikan hasrat tentera Jepun yang cuba mengukuhkan kuasa mereka dengan menggabungkan negara-negara di kawasan nusantara Melayu iaitu Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia.

Dengan sendirinya, semangat pahlawan Nippon itu masuk menyerap ke dalam perasaan mereka. Dan kerana didikan itu datangnya dari kecil, mereka kelak akan menjadi bakal pahlawan Asia Timur Raya yang gagah dan sejati.

(“Budak-budak Main Soldadu”, 1995 : 23)

Sebagai wartawan yang menulis untuk surat khabar *Berita Malai* dan berada pula di bawah kawalan tentera Jepun, A. Samad Ismail terpaksa akur dan patuh dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jepun. Oleh yang demikian, beliau terpaksa menggunakan pendekatan yang bijaksana bagi menyampaikan perkara yang sebenarnya menimpa rakyat pada masa itu dengan menulis cerpen yang penuh dengan mesej yang tersirat. Misalnya, keadaan ekonomi yang meruncing pada masa itu turut disampaikannya dalam cerpen ini. Bagi mengatasi masalah kekurangan makanan, tanaman ubi kayu telah ditanam secara meluas oleh penduduk di sekeliling kawasan rumah mereka iaitu sebagai menyambut sebahagian daripada polisi yang telah diperkenalkan oleh pemerintah Jepun.

Kawasan pokok ubi kayu rumah mereka dijadikan medan.

(“Budak-budak Main Soldadu”, 1995 : 21)

Tanaman ubi kayu sangat dihargai oleh penduduk pada masa itu sehingga mereka amat menjaga tanaman tersebut agar setiap keluarga tidak akan menghadapi krisis bekalan makanan seperti yang terpapar dalam petikan berikut:

Saya tidak tengok perjuangan itu sampai habis. Budak-budak itu, baik yang askar ‘Nippon’ mahupun yang askar ‘British’ telah diusir oleh ibu mereka dari tempat itu. “Pergi dari sini. Jangan main-main di situ. Habis rosak nanti pokok-pokok ubi kayu aku!” teriak ibu dari pintu dapur.

(“Budak-budak Main Soldadu”, 1995 : 22)

Kesusahan hidup yang dialami oleh rakyat pada zaman Jepun bukan sahaja menyebabkan rakyat sukar untuk mendapatkan bekalan keperluan harian tetapi juga mereka terpaksa melupakan hasrat mereka untuk melakukan aktiviti normal dalam hidup mereka seperti berkahwin. Hal inilah yang terpaksa dialami oleh Pak Yak iaitu watak utama dalam cerpen “Pak Yak Mahu Kahwin” yang terpaksa membatalkan hasratnya untuk berkahwin kerana kesempitan hidup yang dialaminya. Pada zaman Jepun itu, semua orang mengalami kesempitan hidup dan mereka bekerja semata-mata untuk mendapatkan bekalan makanan seperti yang dihadapi oleh keluarga Kak Ton dalam cerpen ini.

Suami saya sendiri terpaksa bekerja sebagai fitter dalam masa Jepun kerana bekerja sebagai kerani sekarang tidak boleh hidup. Suami saya bekerja di Boe Tai, mendapat catuan beras, kacang hijau, gula dan minyak makan seminggu sekali.

(“Pak Yak Mahu Kahwin”, 1995 : 199)

Pak Yak adalah seorang pemuda berketurunan peranakan yang mempunyai keinginan untuk mendirikan rumah tangga. Namun, hasratnya itu telah diketawakan dan menjadi gurauan orang kampung kerana perwatakananya seperti seorang perempuan. Pak Yak juga mempunyai hajat untuk mengadakan majlis perkahwinannya secara meriah dan besar-besaran walaupun beliau mengetahui tentang kesukaran yang dihadapi semasa zaman pendudukan Jepun itu.

Saya serba salah apabila berunding dengan Pak Yak. Nafsunya besar. Menurut "hatinya", dia hendak menjemput seluruh kampung ke majlis perkahwinannya. Pada masa itu, majlis-majlis kahwin sudah dikira besar kalau orang-orang jemputan dihidangkan dengan roti perata ubi kayu. Tetapi Pak Yak hendak mengadakan jamuan nasi minyak.

(“Pak Yak Mahu Kahwin”, 1995 : 206)

A. Samad Ismail turut menggambarkan peristiwa sejarah bagaimana keadaan hidup pada masa pendudukan Jepun itu amat menyulitkan dari segi ekonominya kerana bukan sahaja sukar untuk mendapatkan barang-barang keperluan harian malah harganya juga amat mahal seperti beras sehingga penduduk terpaksa berhati-hati untuk membelinya.

Kami membuat kira-kira secara kasar. Harga beras \$2.50 sekati; orang-orang jemputan seratus orang.

(“Pak Yak Mahu Kahwin”, 1995 : 206)

Dia senyum sahaja apabila saya katakan rempah-rempah dan ramuan-ramuan untuk membuat nasi minyak itu, 'kari dan kurma sukar didapati di pasar.

(“Pak Yak Mahu Kahwin”, 1995 : 206)

Kesulitan hidup rakyat pada masa itu bertambah sukar memandangkan bukan sahaja susah untuk mendapatkan bekalan makanan bahkan juga harganya ketika dijual di pasaran gelap turut meningkat. Selain itu, bekalan makanan yang terhad itu pula amat diperlukan oleh semua orang sehingga mereka terpaksa berebut untuk mendapatkannya. Makanan utama juga terpaksa dicatu dan ubi kayu menjadi alternatif kepada rakyat untuk mengatasi masalah ini.

Harga beras di pasar gelap membumbung tinggi. Minyak kelapa sudah tidak ada lagi dijual di kedai kampung dan saya terpaksa menunggu berjam-jam lamanya di kedai pasar Geylang untuk membeli sebotol minyak kelapa itu. Itu pun terpaksa merempuh-rempuh dan bersesak-sesak dengan berpuluhan-puluhan orang lain yang telah menunggu di hadapan kedai itu dari pagi-pagi lagi. Kami terpaksa makan ubi kayu sekali dalam sehari. Malam barulah kami makan nasi.

(“Pak Yak Mahu Kahwin”, 1995 : 209)

Dalam hal ini, A. Samad Ismail turut menyindir kerajaan Jepun kerana bukan sahaja gagal untuk memperbaiki taraf hidup dan keadaan ekonomi penduduk pada masa itu tetapi juga kerana wang kertas cap pisang yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah Jepun juga tidak mempunyai sebarang nilai.

Dan kami pun tidak menyalahkan Pak Yak. Gaji tambi pejabat lawyer yang tidak sampai seratus ringgit duit kertas cap pisang Jepun itu takkan cukup untuk Pak Yak memenuhi cita-citanya hendak berumahtangga dengan Menah.

(“Pak Yak Mahu Kahwin”, 1995 : 219–220)

Akhirnya, Pak Yak bukan sahaja terpaksa melupakan hasratnya hendak berkahwin dengan mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran tetapi juga

untuk memperbaiki keadaan hidupnya yang susah itu, beliau terpaksa mengubah perwatakannya kepada lelaki sejati dengan menjadi buruh am di Harbour Board.

Dokumen sejarah tentang kekejaman tentera Jepun di kalangan rakyat tempatan banyak didapati. Penyeksaan yang dilakukan oleh askar Jepun seperti menggertak, memaksa memanjat pokok kelapa, meminum air sabun bertimba-timba, memukul dan kemudian menekan perut dengan papan adalah antara jenis seksaan yang lumrah dilakukan oleh askar Jepun. Jaminan layanan baik ke atas penduduk tempatan ternyata lebih bersifat propaganda (Mohamad Isa Othman, 1992 : 101). Kekejaman yang dilakukan oleh pihak Jepun terhadap penduduk Tanah Melayu dan Singapura ini telah turut digambarkan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen "Rumah Kedai Di Jalan Seladang" melalui petikan berikut:

Dia terpaksa lewat di situ kerana jalan-jalan besar lain telah disekat oleh Jepun daripada lalu-lalang kereta dan manusia. Sepanjang jalan itu dikawal ketat oleh tentera Jepun. Di tepi parit besar, tentera Jepun merentang dawai-dawai duri, sedang di belakang dawai-dawai duri itu, dikumpulkan manusia lelaki perempuan, kanak-kanak dari segala bangsa. Entah sudah berapa lama mereka di situ tidaklah Leman tahu. Dia masih ingat perasaan takut dan gerunnya pada hari itu, disergah dan diherdik oleh askar-askar Jepun yang lengkap bersenjata... Suara tangis anak-anak kecil menyayat perasaannya. Sedang mereka yang bersesak-sesak, berjongkok dan berdiri, di kaki-kaki lima itu kelihatan seperti patung-patung tidak bersuara, dengan muka-muka penuh ketakutan... teriak tangis dan ratapan manusia yang bakal menghadapi maut di hujung pedang tentera Jepun...

: ("Rumah Kedai Di Jalan Seladang",
1995 : 680-681)

Fakta sejarah juga telah menunjukkan bahawa di kalangan penduduk tempatan, orang-orang Cina menghadapi tekanan yang lebih buruk lagi. Pengalaman askar Jepun yang berperang di China telah menyebabkan askar Jepun amat marah dan menyimpan dendam terhadap orang Cina dan sikap anti-Cina ini telah diteruskan ketika Jepun menduduki Tanah Melayu dan Singapura. Hal ini ditambah pula dengan kegiatan anti-Jepun oleh orang-orang Cina di seberang laut dari tahun 1930 hingga tahun 1941. Sebenarnya, gerakan anti-Jepun oleh orang-orang Cina ini telah dijalankan secara tersusun bermula pada tahun 1908 lagi. Selepas kejatuhan Singapura, askar Jepun yang diperintah oleh Jeneral Yamashita telah melakukan pembunuhan beramai-ramai ke atas orang Cina. Tegasnya, tindakan itu diambil untuk menghancurkan pergerakan orang Cina yang anti-Jepun. Hal ini menjadikan kehidupan orang Cina tersepit dari segi mental, ekonomi dan sosial. Akibat daripada tindakan itu, ramai orang Cina yang masuk ke dalam hutan menjadi gerila atau terpaksa bekerjasama dengan Jepun (Mohamad Isa Othman, 1992 : 102).

Kekejaman tentera Jepun terhadap orang Cina ini sememangnya merupakan satu peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku dan tidak dapat dilupakan seperti yang telah digambarkan oleh A. Samad Ismail dalam petikan berikut:

Di Jalan Besar, kami melihat jalan raya lengang tetapi di parit-parit dalam di kedua-dua belah jalan raya itu dan di kaki lima, padat dengan orang-orang Cina, lelaki, perempuan, tua muda... Kami mendapat tahu rupa-rupanya tentera Jepun sedang mengadakan operasi menangkap dan menahan orang-orang Cina untuk mencari anasir-anasir anti-Jepun.

(A. Samad Ismail, 1993 : 199)

Peristiwa sejarah tentang kekejaman tentera Jepun ke atas orang Cina ini telah turut dipaparkan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen “Rumah Kedai Di Jalan Seladang” seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Sedang di situlah tempat tentera Jepun, ketika mula-mula memasuki Singapura; meragutnya daripada Inggeris, mengumpulkan orang-orang Cina di kaki-kaki lima jalan besar itu, untuk disiasat dan diperiksa.

(“Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, 1992 : 680)

Selain cerpen “Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, terdapat lagi sebuah cerpen dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini yang turut mencatatkan tentang kekejaman yang telah dilakukan oleh tentera Jepun terhadap orang-orang Cina. Cerpen itu bertajuk “Ah Khaw Masuk “Syurga””. Dalam cerpen ini, Ah Khaw terpaksa tinggal bersembunyi di rumah sahabatnya yang berbangsa Melayu kerana khuatir akan ditangkap oleh tentera Jepun yang berjaya menakluki Singapura.

Ah Khaw, kalau aku tidak silap, telah tinggal di rumahku selama enam bulan apabila dia mula-mula mengenakan pakaian Melayu itu. Dia datang untuk tinggal di rumahku tiga bulan sebelum Jepun memasuki Singapura.

(“Ah Khaw Masuk “Syurga””, 1995 : 134)

Semasa tinggal dengan keluarga sahabatnya yang bernama Hassan itu, Ah Khaw masih terus berhati-hati dan tidak keluar ke pekan kerana takut akan ditangkap oleh askar-askar Jepun yang masih giat menangkap orang-orang Cina.

Dia tidak pernah ke pekan dan abang pun mlarang keras dia keluar jauh-jauh dari rumahku. Sebabnya ialah Jepun masih lagi menangkap orang-orang Cina.

(“Ah Khaw Masuk “Syurga””, 1995 : 137)

Kedatangan Ah Khaw ke rumah Hassan itu telah disambut baik oleh keluarga Hassan. Hubungan baik antara Ah Khaw dengan ibu Hassan juga turut terjalin sehingga untuk merapatkan lagi hubungan itu, ibu Hassan bercita-cita untuk ‘memeluk’ Ah Khaw dengan harapan Ah Khaw akan memeluk agama Islam. Keinginan ibu untuk ‘memeluk’ dan mengislamkan Ah Khaw juga didorong oleh sebab-sebab keselamatan. Ibu berpendapat, sekiranya Ah Khaw memeluk agama Islam sudah tentulah dia akan terselamat daripada ditangkap oleh tentera Jepun yang sememangnya sangat membenci orang-orang Cina.

*“Tapi bukankah senang kalau dia jadi Melayu,
Jepun tidak akan ganggu lagi?” kata ibu.
 (“Ah Khaw Masuk “Syurga””, 1995 : 142)*

Dalam cerpen “Ah Khaw Masuk “Syurga”” ini juga, selain telah diselitkan dengan catatan sejarahnya, A. Samad Ismail juga turut memaparkan tentang kewujudan semangat perpaduan antara orang Melayu dan orang Cina. Melalui semangat perpaduan inilah, Ah Khaw telah berjaya diselamatkan daripada ditawan oleh tentera Jepun walaupun akhirnya Ah Khaw mati kerana sakit.

Peperangan merupakan sesuatu yang amat tragik dan membawa sejarah hitam dalam mana-mana tamadun dunia. Peperangan menjadikan manusia hidup menderita kesan daripada nafsu dan pemimpin-pemimpin yang ingin menegakkan ego masing-masing. Walaupun A. Samad Ismail sendiri menyatakan bahawa peperangan itu penting kepada orang Melayu bagi menyedarkan orang-orang Melayu bahawa kuasa Inggeris itu tidaklah sekutu mana tetapi kesan peperangan itu sendiri sangatlah mendalam. Bukan sahaja berlaku kemusnahan secara fizikal apabila berlaku peperangan malah lebih dari itu berlaku juga kemusnahan dari aspek

kemanusiaan, sosial dan juga ekonomi seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian ini.

Jelaslah bahawa dalam zaman Perang Dunia Kedua atau tegasnya dalam zaman pendudukan Jepun, seperti yang telah terlipat dalam catatan sejarah tanah air masyarakat hidup dalam kesusahan dan kesengsaraan. Mereka bukan sahaja sukar mendapatkan bekalan makanan bahkan juga sukar mendapat atau membeli pakaian. Paling serius adalah penduduk tidak mendapat kebebasan hidup kerana dibatasi oleh Undang-undang Tentera. Gambaran realiti masyarakat pada zaman itu telah dilihat dan cuba disampaikan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen-cerpennya bagi memperlihatkan kekejaman pemerintah Jepun sehingga rakyat hidup dalam derita dan sengsara ketika itu. Semuanya ini dilakukan oleh pengarang iaitu A. Samad Ismail untuk memberi kesan yang mendalam kepada khalayak walaupun seruan untuk menentang penjajah itu tidak dapat dilakukannya secara terus terang kerana adanya badan penapis yang mengawal setiap karya yang hendak disiarkan (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 145–146).

5.4 Pensejarahan Dalam Zaman Selepas Pendudukan Jepun

Pada 6 dan 9 Ogos 1945, bom atom telah digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki. Pengeboman itu telah menyebabkan Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945. Pasukan tentera Jepun di utara Tanah Melayu mula berkumpul di Sungai Petani, Alor Setar dan Bukit Mertajam. Manakala pasukan yang ditempatkan di Kelantan telah berundur ke Thailand. Tentera British mula mendarat di Pulau Pinang dan Singapura pada bulan September 1945. Pemerintahan British dipulihkan semula pada 5 September 1945 (Mohamad Isa Othman, 1992 : 134). Peristiwa

bersejarah ini juga secara langsungnya telah menandakan bahawa tamatlah tempoh pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu dan Singapura yang memakan masa selama lebih kurang 3 tahun 7 bulan. Kekalahan tentera Jepun di tangan British, turut digambarkan oleh A. Samad Ismail dalam petikan berikut:

... British kembali menguasai Singapura berikutan penyerahan diri tentera Jepun di Singapura.

(A. Samad Ismail, 1993 : 207)

Peristiwa bersejarah tentang kekalahan Jepun di tangan Inggeris atau British ini telah turut digunakan oleh A. Samad Ismail dalam beberapa cerpennya seperti cerpen “Antara Dua Kekasih” dan cerpen “Rumah Kedai Di Jalan Seladang”. Dalam kedua-dua cerpen ini, A. Samad Ismail telah menggambarkan peristiwa-peristiwa tentang Jepun yang terpaksa berundur dari Tanah Melayu dan juga Singapura.

Insaf dia akan tipu daya Jepun. Tetapi keinsafan itu telah ada padanya setahun dahulu. Apakah daya ketika itu kuku besi Jepun masih kuat mencengkam. Tetapi sekarang lain pula kedudukannya. Inggeris telah masuk, Jepun akan keluar.

(“Antara Dua Kekasih”, 1992 : 26).

Leman terdiam. Jarang sekali dia memikirkan kemungkinan Jepun akan kalah. Atau British akan kembali ke Singapura.

(“Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, 1992 : 693).

Menurut Mohamad Isa Othman (1992 : 134), telah wujud satu kekosongan kuasa atau secara ringkasnya tidak ada kerajaan yang memerintah dalam tempoh masa antara pengunduran tentera Jepun dan sementara menanti kedatangan tentera Inggeris. Keadaan ini telah mewujudkan ketegangan kaum dan juga ketegangan politik. Apabila Jepun menyerah kalah, pasukan gerila Cina mula menunjukkan

kekuatan dengan menawan balai polis, menculik, membalaik dendam, dan membuat percubaan untuk merampas kuasa secara kekerasan. Hal ini menjadikan keadaan psikologi rakyat merosot kerana wujudnya perasaan bimbang, tegang dan takut.

A. Samad Ismail juga telah turut menyentuh tentang ketegangan kaum yang berlaku ini berdasarkan kepada petikan berikut:

Sementara di Tanah Melayu sejurus lepas kembalinya British, hubungan kaum antara Melayu dan Cina agak tegang disebabkan perkelahian di beberapa bandar dan pekan... Sekembali British, kekosongan itu masih tidak terisi.

(A. Samad Ismail, 1993 : 212)

Apabila British atau Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu, mereka telah menubuhkan kerajaan sementara yang dikenali sebagai Pentadbiran Tentera British atau British Military Administration (BMA). Tujuan BMA ditubuhkan adalah untuk memulihkan semula keamanan kesan daripada kekacauan dan ketegangan yang berlaku (Abdul Latiff Abu Bakar, 1992 : 2). Kerajaan BMA juga telah mengisyiharkan keadaan darurat dan memperkenalkan Undang-undang Darurat yang memberi mereka kuasa untuk bertindak bagi mengatasi masalah kekacauan yang sedang berlaku.

Seperti peristiwa-peristiwa sejarah yang lain, keadaan negara yang tidak aman disebabkan keadaan darurat ini telah turut diperincikan oleh A. Samad Ismail seperti yang terpapar dalam petikan berikut:

... Bila British mengisyiharkan darurat, mereka telah dihantar pulang ke tanah air mereka ... Ketenteraman umum belum pulih sepenuhnya dan

pentadbiran kerajaan juga masih pincang di sana sini.

(A. Samad Ismail, 1993 : 210, 212)

A. Samad Ismail sebagai seorang wartawan dan juga penulis yang peka turut menggunakan peristiwa darurat yang berlaku di tanah air pada masa itu dalam sebuah cerpennya yang bertajuk "Bung Leman". Watak Idris dalam cerpen ini telah digunakan oleh A. Samad Ismail sebagai watak seorang pemuda yang berhijrah ke Singapura selepas berlakunya darurat yang menyebabkan berlakunya kesukaran hidup yang terpaksa dihadapi oleh rakyat pada masa itu.

Bung Leman dan saya dahulu sama-sama meninggalkan kampung tatkala undang-undang darurat mula dijalankan. Saya berangkat ke Singapura kira-kira dua bulan sesudah darurat.

("Bung Leman", 1995 : 103)

Selain peristiwa darurat, A. Samad Ismail juga telah menggunakan satu lagi peristiwa sejarah di dalam cerpennya iaitu berkaitan tentang Malayan Union. Malayan Union adalah sebuah kerajaan yang berbentuk awam yang baru bagi mengantikan kerajaan BMA. Malayan Union telah ditubuhkan pada 1 April 1946 setelah Harold McMichael berjaya mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu untuk menerima gagasan itu. Walau bagaimanapun, Malayan Union telah ditentang oleh orang Melayu kerana banyak hak orang Melayu yang terhapus termasuklah kehilangan kuasa di kalangan Raja-Raja Melayu kecuali dalam hal-hal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sikap agresif yang ditunjukkan oleh orang-orang Melayu juga adalah kesan daripada dasar Jepun, yang telah melahirkan pemahaman yang lebih terhadap politik dalam negeri dan juga antarabangsa.

Penentangan orang-orang Melayu terhadap gagasan Malayan Union yang telah diilhamkan oleh kerajaan British ini, telah turut dipaparkan oleh A. Samad Ismail seperti dalam petikan berikut:

... *Malayan Union menjadi isu besar bangsa Melayu, lebih dibimbangkan ialah peruntukan-peruntukan kerakyatan di dalam gagasan itu.*

(A. Samad Ismail, 1993 : 212)

Gagasan tentang penubuhan Malayan Union dan kesedaran politik dalam diri orang-orang Melayu ini telah turut disentuh oleh A. Samad Ismail dalam sebuah cerpennya yang bertajuk “Antara Dua Kekasih” iaitu seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Yang sedang berunding dengan pegawai British dalam masalah Malayan Union, yang menjadi satu kekuasaan yang membawa kepada kesedaran bangsa Melayu.

(“Antara Dua Kekasih”, 1995 : 24)

Selain peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku di Tanah Melayu dan Singapura, A. Samad Ismail juga tidak ketinggalan untuk memaparkan peristiwa bersejarah yang berlaku di Indonesia dalam cerpen “Antara Dua Kekasih”. Menurut A. Samad Ismail sendiri (1993 : 148), ramai masyarakat Indonesia yang datang ke Singapura semenjak sebelum meletusnya perang lagi. Semasa pendudukan Jepun, orang Indonesia yang datang adalah disebabkan untuk berdagang ataupun dibawa sendiri oleh tentera Jepun untuk bekerja sebagai buruh. Oleh itu, dalam tahun-tahun sejurus kembalinya pihak Inggeris ke Singapura, masih ramai orang Indonesia yang belum pulang ke negara mereka.

Pihak Jepun telah menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 tetapi pihak Jepun masih berkuasa di Indonesia. Pada 17 Ogos 1945, Sukarno dan Hatta telah mengumumkan kemerdekaan Indonesia. Belanda cuba mengambil alih kuasa pemerintahan dengan bantuan daripada Kuasa-kuasa Berikat tetapi telah ditentang oleh para nasionalis Indonesia. Revolusi Indonesia telah meletus pada tahun 1945 sehingga ke penghujung tahun 1949. Orang-orang Indonesia telah berperang dan berunding dengan pihak Belanda selama empat tahun.

Apabila meletusnya revolusi Indonesia bagi memperjuangkan kemerdekaan mereka daripada pemerintah Belanda, lebih ramai orang Indonesia yang datang ke Singapura untuk membeli senjata dan bekalan makanan untuk keperluan gerila dan tentera Indonesia. Ada juga orang Indonesia yang datang itu khusus untuk menjalinkan hubungan dengan parti-parti politik di Singapura dan di Malaya agar menyokong revolusi Indonesia secara material dan moral. Revolusi Indonesia ini secara keseluruhannya telah dipimpin oleh Sukarno dan Hatta.

Kedatangan pemuda-pemuda Indonesia ke Singapura bagi mendapatkan sokongan dan bantuan bagi menjayakan revolusi ini, telah turut disentuh oleh A. Samad Ismail seperti yang dapat kita perhatikan dalam petikan berikut:

Saya baharu mendengar nama Sukarno dan Hatta, meneliti pidato-pidato mereka... Gerila-gerila dan pejuang kemerdekaan Indonesia menjadikan Singapura sebagai pengkalan mereka. Pemuda-pemuda Indonesia datang ke Singapura untuk memperjuangkan sokongan rakyat Malaya dan Singapura kepada perjuangan revolusi Indonesia.

(A. Samad Ismail, 1993 : 207)

Sebagai seorang wartawan yang bekerja dengan *Utusan Melayu*, dan mempunyai darah keturunan Jawa serta masih pula mempunyai ramai saudara-mara di Indonesia, A. Samad Ismail sememangnya amat bersimpati dengan perjuangan rakyat Indonesia dan tidak lupa untuk mencatatkan peristiwa tersebut seperti yang dapat dibaca dalam cerpennya yang bertajuk “Antara Dua Kekasih”. Abdullah iaitu watak utama dalam cerpen ini sanggup mengorbankan perasaan kasih sayang kepada kekasihnya, Rohani semata-mata untuk berjuang bagi membebaskan negaranya daripada belenggu penjajah.

Sudah empat hari berturut-turut dia membaca berita perjuangan rakyat Indonesia mempertahankan negara Republik Indonesia yang telah terdiri. Pertempuran hebat sedang berlaku di Jakarta, Surabaya, dan Bandung. Ucapan Sukarno dan Hatta di radio masih berdengung-dengung lagi di telinganya.

(“Antara Dua Kekasih”, 1995 : 28–29)

Selain mencatatkan peristiwa revolusi Indonesia itu secara tidak langsung sebagai satu catatan sejarah, A. Samad Ismail juga sebenarnya telah menggunakan cerpen ini sebagai sebahagian seruan daripada dirinya sendiri untuk menaikkan semangat masyarakat pada masa itu agar bersimpati dengan perjuangan rakyat Indonesia dan seterusnya akan menghulurkan bantuan sama ada dari aspek tenaga, material mahupun moral. Seruan semangat daripada A. Samad Ismail itu dapat kita lihat berdasarkan petikan cerpen seperti berikut:

Dia harus menetapkan keputusan dirinya sekarang juga. Mengapa mestilah menanti sedang Sang Saka Merah Putih terbayang-bayang di matanya. Lagu Indonesia Raya sayup kedengaran. Dia mestilah

*sambut panggilan ibu pertiwi. Sekarang juga!...
Dia harus bersiap. Walau bagaimanapun dia
mesti pergi, dia sudah berazam!*

(“Antara Dua Kekasih” 1995 : 29)

Selain memaparkan peristiwa sejarah tentang perjuangan rakyat Indonesia untuk menuntut kemerdekaan daripada Belanda, A. Samad Ismail turut menghasilkan sebuah cerpen yang berkisar tentang peristiwa hitam dalam sejarah perhubungan antara Malaysia dan Indonesia iaitu peristiwa konfrontasi.

Dasar konfrontasi dari segi ekonomi dan kemasyarakatan dengan konsep ‘Ganyang Malaysia’ telah diumumkan pada 20 Januari 1963. Konfrontasi bermula apabila Indonesia membantah pembentukan Malaysia yang dianggap sebagai satu bentuk neo-kolonialisme yang akan mengancam Indonesia. Pandangan yang telah disuarakan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) inilah yang telah mempengaruhi Presiden Sukarno untuk mengisyiharkan Dasar Konfrontasi. Berlaku serangan terhadap kapal-kapal nelayan dan pencerobohan udara oleh Indonesia tetapi kerajaan Persekutuan pada masa itu tidak mengambil sebarang tindakan balas. Namun, apabila tentera Indonesia mula melancarkan serangan terhadap Malaysia dengan menyerang Johor, Sarawak dan Sabah, Malaysia telah bertindak balas dengan bantuan daripada tentera Komanwel seperti British, Australia, New Zealand dan juga Kanada.

Perselisihan yang berlaku di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia, telah menyebabkan timbulnya konfrontasi antara kedua-dua buah negara dan menyebabkan berlakunya pertumpahan darah antara kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun, peristiwa konfrontasi itu dapat diakhiri dengan rundingan damai pada tahun 1966 atas kesedaran yang timbul di kalangan pemimpin kedua-dua

buah negara. Dalam rundingan damai tersebut, kerajaan Malaysia telah menghantar rombongan yang diketuai oleh Tun Abdul Razak sebagai wakilnya, sementara kerajaan Indonesia pula telah menghantar rombongan yang diketuai oleh Menteri Luarnya iaitu Adam Malik. Rundingan damai Indonesia-Malaysia yang diadakan di Bangkok telah turut disertai oleh A. Samad Ismail sebagai salah seorang wartawan yang telah terpilih untuk membuat liputan tentang peristiwa yang bersejarah itu.

Peristiwa konfrontasi dan pemulihan semula hubungan antara Indonesia dan Malaysia ini telah turut dipaparkan oleh A. Samad Ismail seperti yang terdapat dalam contoh petikan berikut:

Ketika perundingan damai Indonesia-Malaysia di Bangkok untuk mengakhiri konfrontasi, saya ditugaskan membuat liputan untuk akbar Straits Times dan Berita Harian... Adam memberikan briefing atau taklimat mengenai perjalanan perundingan itu... Bagaimanapun, akhirnya perundingan itu berhasil juga dan konfrontasi berakhir secara mutlak.

(A. Samad Ismail, 1993 : 264)

Peristiwa bersejarah tentang rundingan damai Indonesia-Malaysia yang menyebabkan pemulihan hubungan antara kedua-dua buah negara telah turut diserapkan dalam sebuah cerpennya yang bertajuk "Titi". Misalnya, rundingan damai di Bangkok antara kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Tun Abdul Razak dan Kerajaan Indonesia yang diwakili oleh Adam Malik telah digambarkan oleh A. Samad Ismail seperti berikut:

Bukan sekali ini Manaf mengalami keadaan tidak menentu seperti ini tentang kunjungan Tun. Ketika dia ditugaskan untuk menyertai Tun

berunding dengan Adam Malik di Bangkok, demikian juga masalahnya.

(“Titi”, 1995 : 648).

Dia seperti orang baru sekarang. Entah mengapa dia merasa seolah-olah dia baru pertama kali menjejakkan kakinya di Jakarta. Barangkali kemesraannya terganggu oleh konfrontasi selama tiga tahun, oleh seribu macam kesangsian dan keraguan yang menusuk perasaannya.

(“Titi”, 1995 : 666).

Perjanjian damai yang diadakan di Jakarta, Indonesia bagi mengakhiri peristiwa konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia ini telah turut dipaparkan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen “Titi” seperti yang terpapar dalam petikan berikut:

Dan mereka ke Istana Presiden, bersesak-sesak berkumpul di kamar tamu, melihat Presiden Sukarno tersenyum lebar kepada Tun Razak, berbual mesra dan kemudian berkejar pula ke markas General Suharto, kemudian ke Pedjambon untuk upacara menandatangani perjanjian.

(“Titi”, 1995 : 659).

Sebagai seorang yang kritis tentang apa yang berlaku di persekitarannya, A. Samad Ismail dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang wartawan dan penulis, secara tidak langsung telah menjadi seorang pencatat sejarah yang berlaku dalam satu-satu masa yang telah ditempuhinya. Walaupun ada kalanya peristiwa yang dicatatkannya itu hanyalah sedikit daripada keseluruhan sesuatu peristiwa itu, tetapi wujudnya unsur-unsur sejarah dalam karya-karya cerpennya itu sedikit sebanyak membantu pembaca mengetahui tentang keadaan dan tempoh sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku.

5.5 Penutup

Pelbagai peristiwa sejarah dan unsur pensejarahan yang telah disampaikan oleh A. samad Ismail dalam cerpen-cerpennya yang merangkumi tiga tempoh masa atau zaman yang berbeza iaitu zaman sebelum perang, zaman semasa pendudukan Jepun dan zaman selepas pendudukan Jepun. Sebagai seorang wartawan dan penulis karya-karya yang berbentuk kreatif serta bergerak dalam zaman-zaman masa yang berbeza pula, sudah tentulah A. Samad Ismail telah menyaksikan banyak perkara yang ingin dikongsi dengan khalayaknya.

Sebagai seorang wartawan, pengarang dan juga sebagai pejuang bangsa, jelaslah bahawa A. Samad Ismail mempunyai pandangannya sendiri tentang sesuatu perkara atau peristiwa. Dibantu dengan corak penulisan dan gaya bahasa yang bersahaja dan padu serta daya intelek yang tinggi, peristiwa-peristiwa sejarah itu dapat disampaikan dengan menarik dan ada kalanya dalam nada yang melucukan walaupun pada hakikatnya karya itu penuh dengan pemikiran dan unsur pensejarahan yang ingin disampaikannya.

Pada hakikatnya, dengan jelas dapat dilihat bahawa sesungguhnya terdapat sebahagian daripada cerpen-cerpen yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* menepati teori dialogisme dari aspek pensejarahan. Menurut Mikhail Bakhtin yang juga merupakan pelopor kepada teori dialogisme ini, telah menyatakan bahawa unsur sejarah penting dalam sesuatu karya kerana hanya melalui sesuatu peristiwa sejarah sahajalah masyarakat akan dapat memahami sesuatu peristiwa dengan lebih baik.

Dalam hal ini, jelas bahawa A. Samad Ismail telah mengambil kisah yang benar-benar berlaku dalam sejarah dan telah dipindahkan ke dalam karya-karya sasteranya. Keadaan ini menepati dengan unsur luaran dalam teori dialogisme itu sendiri bahawa teks atau unsur luaran amat penting dalam sesebuah karya kerana teks luaran berperanan bukan sahaja sebagai teks sosial yang mencakupi fakta dan peristiwa sejarah itu sendiri, malahan juga meliputi daripada bermulanya hasrat untuk menulis dalam diri seseorang pengarang bagi menghasilkan sesuatu karya.